

TARIKH	RABU, 20 DISEMBER 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	MALAYSIA DI LANDASAN CAPAI NEUTRAL KARBON 2050
M/S	15
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

Malaysia di landasan capai neutral karbon 2050

Subang Jaya: Malaysia berada di landasan tepat bagi mencapai sasaran menjadi negara neutral karbon menjelang 2050, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Bagaimanapun, beliau berkata, masih banyak usaha perlu dilaksanakan, termasuk pembabitatan berterusan daripada semua pihak bagi merealisasikan perkara itu seiring matlamat pembangunan mampan (SDG) global.

"Kita masih pada peringkat awal dan banyak perlu dilakukan untuk mencapai sifar bersih pada 2050.

"Ketika ini, kita sedang melaksanakan Strategi Pembangunan Karbon Rendah Jangka Panjang (LT-LEDS) bagi mendapat data diperlukan," katanya kepada pem-

berita selepas merasmikan Pelan Tindakan Kelestarian Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) 2023-2030, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Prasarana, Tan Sri Jamaluddin Ibrahim serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Mohd Azharuddin Mat Sah.

Pelan Tindakan Kelestarian Prasarana itu menggariskan hala tuju komprehensif serta komitmen terhadap pengawasan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat, sekali gus merevolusikan sistem pengangkutan negara.

Nik Nazmi berkata, langkah Prasarana itu penting kerana pengangkutan ketika ini adalah penyumbang utama kepada pe-

lepasan karbon dioksida.

Katanya, ia harus dicontohi peserta sektor pengangkutan yang lain bagi membolehkan negara mencapai sasaran SDG yang ditetapkan.

Beliau berkata, langkah ke arah kelestarian dalam sektor pengangkutan akan terus berkembang seiring tempoh sama, terutama dalam penggunaan kenderaan elektrik.

"Langkah ini apabila berkembang, ia akan memberi kesan positif dan mewujudkan ekosistem yang komprehensif.

"Sebenarnya pengangkutan berasaskan elektrik, dari segi penyelenggaraan akan lebih rendah dan apabila banyak penggunaan akan mewujudkan tenaga kerja yang lebih ramai.

"Kita akan tengok perkara ini dan adakan sesi dialog dengan operator pengangkutan lain bagi mengikuti langkah Prasarana ini," katanya.

Sementara itu, Mohd Azharuddin berkata, pelan tindakan komprehensif Prasarana akan membantu negara bergerak ke arah masa depan yang lebih hijau, lebih saksama dan makmur.

Katanya, Prasarana membuka jalan untuk Malaysia dikuasakan tenaga bersih, dihubungkan sistem pengangkutan awam yang teguh dan inklusif, serta dipandu visi bersama tentang kelestarian masa depan.

Beliau berkata, rangka tindakan itu menggariskan komitmen Prasarana yang bergantung pada empat matlamat utama, iaitu be-

rubah ke arah mobiliti rendah karbon, menegakkan piawaian keselamatan, memacu produktiviti dan memperkaya komuniti serta komitmen terhadap kelakuan perniagaan yang baik dan prinsip etika.

Katanya, Prasarana turut melaksanakan inisiatif penyahkarbonan dengan meneruskan komitmen menukar armada basnya kepada bas elektrik.

"Daripada 15 bas EV yang digunakan untuk Laluan BRT Sunway, kumpulan akan menambah 100 bas EV ke dalam rangkaian armada kami menjelang 2026 dan 481 lagi bas menjelang 2030.

"Matlamat Prasarana adalah untuk menggunakan 100 peratus bas elektrik menjelang 2037," katanya.

**DISEDIAKAN
OLEH**

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM